

11/11/2003

Pertumbuhan ekonomi capai unjuran 4.5 peratus

KUALA LUMPUR: Pertumbuhan ekonomi negara bagi separuh kedua tahun ini dijangka lebih tinggi dengan Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) melebihi unjuran 4.5 peratus, kata Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi.

Ketika membentangkan Rang Undang-Undang Perbekalan 2004 (Bajet 2004) di Dewan Negara semalam, Abdullah yang juga Menteri Kewangan berkata keyakinan ini berdasarkan pencapaian pertumbuhan 4.5 peratus pada separuh tahun pertama.

"Kerajaan yakin pertumbuhan ekonomi sebanyak 4.5 peratus yang dianggarkan bagi keseluruhan tahun ini dapat dicapai, malah dijangka berkemungkinan mencatat kadar pertumbuhan yang lebih tinggi, Insyaa-Allah," katanya.

Rang Undang-undang itu diluluskan Dewan Rakyat pada 27 Oktober lalu. Ia dibentangkan bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad, pada 12 September lalu.

Abdullah berkata, ekonomi negara juga dijangka berkembang lebih pesat di antara 5.5 peratus hingga 6 peratus tahun depan dengan terlaksana langkah dan program dalam Bajet 2004 serta perkembangan ekonomi antarabangsa yang menggalakkan.

Katanya, sektor pembuatan yang dijangka kekal menjadi penggerak utama ekonomi, meningkat 7.2 peratus manakala sektor perkhidmatan meningkat 5.5 peratus.

"Dengan penekanan diberi kepada sektor swasta untuk menerajui pertumbuhan, pelaburan swasta dijangka berkembang sebanyak 9.9 peratus, manakala penggunaan sebanyak 7 peratus," katanya.

Abdullah berkata, taraf hidup rakyat juga dijangka semakin meningkat dengan pendapatan per kapita bertambah kepada RM14,954 tahun depan.

"Kesejahteraan yang dinikmati lapisan masyarakat adalah hasil sokongan padu yang semua pihak bagi menjayakan strategi pembangunan ekonomi dan sosial negara yang pragmatik," katanya.

Perdana Menteri berkata, untuk terus maju negara perlu melakukan pengubahsuaian dari yang digerakkan oleh FDI dan eksport kepada ekonomi yang diterajui dan dilengkapi oleh pertumbuhan dalam negara dan pelaburan tempatan (DDI).

Abdullah berkata, DDI perlu digalakkan menjadi lebih cergas supaya negara menjadi pelabur, pengeluar dan pengeksport yang mampu bersaing di pasaran global.

"Sektor swasta tempatan mesti berani menerokai peluang baru serta mewujudkan dan mengeluarkan produk berjenama Malaysia dengan kualiti bertaraf dunia untuk menembusi dan menguasai pasaran antarabangsa."

Abdullah juga berkata, Malaysia terus mencatat lebih dagangan selama 71 bulan berturut-turut, berjumlah RM4.4 bilion bagi September.

Katanya, pada 6 November lalu, rizab antarabangsa negara terus bertambah dengan ketara kepada RM167.3 bilion (AS\$44 bilion) yang mampu membiayai 7 bulan import tertangguh, iaitu peningkatan melebihi dua kali ganda daripada paras yang dicatat semasa krisis.

"Peningkatan ini adalah berikutan penambahan pendapatan eksport dan aliran masuk FDI, termasuk dana portfolio asing," katanya.

Abdullah berkata, kerajaan akan terus memastikan rejim kadar faedah yang rendah dikekalkan bagi membolehkan pengurangan kos perniagaan tetapi pada masa sama perlu menjaga kepentingan pendeposit.

Sehubungan itu, katanya, Bank Negara Malaysia akan menerbitkan bon simpanan untuk membantu golongan yang bergantung kepada wang simpanan, iaitu golongan pesara yang berusia 55 tahun ke atas.

"Bon ini mempunyai ciri seperti pulangan yang melebihi kadar faedah simpanan dan pelepasan cukai pendapatan," katanya.